

KEMAHIRAN SOSIAL DAN AKADEMIK MURID-MURID PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PENDENGARAN

Mohd Hanafi Mohd Yasin

Safani Bari

Rabaishah Azirun

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor,
MALAYSIA.

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau kemahiran akademik dan sosial murid masalah pendengaran dalam program integrasi pendidikan khas di Malaysia dari persepsi guru. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif, dan data dikumpul menggunakan borang soal selidik. Responden kajian adalah terdiri daripada guru sekolah yang terlibat dengan program integrasi masalah pendengaran yang mewakili seramai 49 orang guru. Data di analisis menggunakan IBM Statistical Package for Social Science 20 (IBM SPSS) bagi mendapatkan min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua kemahiran iaitu akademik, dan sosial murid-murid mempunyai kemahiran yang baik setelah melalui program integrasi. Sehubungan dengan itu adalah dicadangkan bahawa program seperti program integrasi terhadap murid-murid bermasalah pendengaran adalah lebih baik dan menambah saik program yang sedia ada agar semua murid-murid memperoleh pendidikan yang sama rata.

Kata kunci: kemahiran akademik, kemahiran sosial, program integrasi pendidikan khas, masalah pendengaran.

Abstract

The purpose of this study is to explore students' academic and social development of hearing problems in the special education program in Malaysia integration of teacher perceptions. This research is a quantitative study, and data were gathered using questionnaires. Respondents were comprised of teachers involved in the program integration problems which represent a total of 49 hearing teachers. Data was analyzed using the IBM Statistical Package for Social Science 20 (IBM SPSS) for mean and standard deviation. The study found that the development of both academic and social development of the students have a good following through integrated programs. In connection with the mother is dicadangkan overload programs such as integration programs for hearing impaired students is better and add Saik existing programs so that all students an equal education.

Keyword: academic, deaf children social development, integration program, hearing impairment

PENGENALAN

Program integrasi menumpukan kepada kognitif dan kemahiran sosial, yang mana objektif umumnya ialah untuk 1) meningkatkan kemahiran berfikir yang melibatkan penyelesaian masalah sosial yang dihadapi oleh murid bermasalah pendengaran, 2) mengajar bagaimana untuk mencari penyelesaian masalah, 3) memperbaiki sosial, emosi, dan penyesuaian personal, dan 4) memperbaiki atmosfera bilik darjah: interaksi dengan guru dan rakan bermasalah pendengaran Suarez (2000). Melalui penglibatan program seperti ini akan membantu belajar mempunyai kebarangkalian komunikasi bersama rakan dengan lebih baik (Rieffe & Terwogt 2000).

Kemahiran program integrasi menurut Suarez (2000) adalah untuk meningkatkan atau memperbaiki kemahiran interaksi sosial di antara murid-murid bermasalah pendengaran. Program ini adalah berasaskan kepada dua jenis iaitu; bermatlamat memperkenalkan dan memperlihatkan kemahiran sosial yang positif, memberi pakej latihan yang konsisten dengan mengikut strategi seperti: arahan, modeling, perbincangan kumpulan, peranan mainan, rangsangan tingkah laku, tindak balas, dan aktiviti di rumah, 2) pusat untuk meningkatkan kemahiran berfikir yang melibatkan penyelesaian masalah sosial dan kesedaran emosi.

Kajian membuktikan murid-murid bermasalah pendengaran mengalami permasalahan akademik, sosial dan emosi yang lebih rumit berbanding murid-murid biasa kerana keadaan mereka yang mengalami masalah dalam kemahiran diri yang menyebabkan kemahiran intelektual mereka berkembang lebih lambat (Margalit, 1998). Malah murid-murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran sosial serta emosi lebih cenderung mempunyai masalah mental (Elksnin dan Elksnin 1998; Sprague & Walker 2000 dalam Shireen Pavri & Marie Hegwer-Divita 2006). Masalah yang dialami dalam kemahiran sosio emosi turut memberi impak negatif kepada murid-murid masalah pendengaran untuk bersosial dengan rakan sebaya seterusnya mereka sukar menangani konflik (Friend & Bursuck 1996).


Di sini dapat dilihat, bahawa kanak-kanak yang berada dalam program integrasi dapat mengembangkan dan meningkatkan kemahiran akademik, sosial dan emosi mereka. Namun tidak diketahui sejauhmana program-program integrasi yang disediakan mampu meningkatkan kemahiran murid-murid masalah pendengaran dari segi akademik, sosial serta emosi seperti mana matlamat sebenar penubuhan program ini ataupun ianya hanya sekadar melengkapi pendidikan bagi murid-murid pendidikan khas bermasalah pendengaran sahaja.. Maka dengan timbulnya persoalan-persoalan tersebut, penyelidik berpendapat bahawa keberkesanan Program Integrasi Masalah Pendengaran ini perlu dilihat secara menyeluruh.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah pelaksanaan program integrasi pendidikan khas bermasalah pendengaran?
2. Apakah tahap kemahiran akademik dalam program integrasi pendidikan khas bermasalah pendengaran (ciri guru dan keadaan pebelajaran guru, persekitaran keluarga, ciri-ciri murid-murid, dan pengaruh rakan sebaya)?

3. Apakah tahap kemahiran sosial murid-murid dalam program integrasi pendidikan khas bermasalah pendengaran (kebebasan, inisiatif, permainan dan bekerjasama)?

KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual diubahsuai daripada Model Kemahiran Sosial dan Emosi, Model Pengeluaran Kejayaan, dan Model Sekolah Berkesan.

Sumber: Seal et al. (2010); Bender & Wall (1994) & Mertens (2003)

LITERATURE RIVIEW

1. Program Integrasi

Program integrasi pendidikan khas ini dilaksanakan melalui sekolah khas bagi murid bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan Nasri et al. (2010). Ia diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik dan vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara

pengasingan dan separa inklusif. Program ini menggunakan kurikulum kebangsaan dan kurikulum alternatif.

Program integrasi dimulakan pada tahun 1985-1986. Terdapat empat objektif program integrasi. Objektif tersebut ialah, (1) mengurangkan jumlah dalam kelas kepada 25 orang dan maksimum 2 murid-murid kurang upaya, (2) guru yang mempunyai kepelbagaian dan pakar untuk membimbing murid-murid dalam aspek percakapan dan pendengaran, (3) memberi keutamaan terhadap pedagogi psikologi, dan (4) keseimbangan dalam mengajar dalam kelas (Suarez 2000). Berdasarkan objektif ini Suarez menegaskan bahawa murid-murid akan memperoleh intelektual, sosial, peningkatan personaliti dan akademik, dan memperoleh kemahiran komunikasi serta bahasa yang baik.

Program Integrasi Pendidikan Khas terbahagi kepada 3 iaitu (1) Program pendidikan Khas Integrasi bermasalah pendengaran, (2) Program Pendidikan Khas Integrasi bermasalah penglihatan, dan (3) Program pendidikan Khas Integrasi bermasalah pembelajaran. Ketiga-tiga program ini diharapkan murid berkeperluan khas dapat bergaul dengan murid biasa tanpa rasa terpinggir. Menurut Jamila K. A. Mohamed (2006) lagi kebiasaannya integrasi yang berlaku adalah pada peringkat fizikal yang mana murid dengan keperluan khas dan murid biasa berkongsi bangunan, padang sekolah dan kantin. Dalam situasi ini integrasi sosial juga turut berlaku dalam program ini secara terancang atau tidak terancang. Manakala menurut Nunes et al. (2001) polisi penubuhan program integrasi ini untuk mengakses potensi murid-murid agar memberi kesan kepada prestasi akademik dan penyesuaian di dalam sosial.

Penglibatan murid-murid dalam program integrasi ini bermatlamat untuk memperoleh manfaat yang bermakna dan pengalaman pembelajaran kepada murid-murid (Noll 2007). Keadaan ini bertentangan dengan pandangan Nunes et. al (2001) dan Suarez (2000) iaitu mereka mengatakan penglibatan murid-murid dalam program integrasi akan menyebabkan murid-murid merasakan pergaulan sosialnya terhad, merasakan keserongan dan berasa kurang yakin berbanding mereka belajar di sekolah pendidikan khas. Manakala Suarez (2000) pula mendapati bahawa terdapat beberapa pertelingkahan integrasi berlaku dalam kalangan murid-murid yang akan menjadikan murid-murid bermasalah pendengaran memperoleh kebaikan dan keburukan daripada program integrasi ini. Kejayaan program integrasi ini bergantung terhadap berapa banyak penerimaan murid-murid bermasalah murid-murid terhadap kemahiran interaksi dengan orang lain (Suarez 2000).

2. Kemahiran Akademik

Program integrasi di laksanakan mempunyai pelbagai faktor antara faktornya adalah untuk kognitif dan kemahiran sosial. Pada asasnya murid-murid bermasalah pendengaran mempunyai kebolehan kognitif yang sama dengan kanak-kanak biasa (Moore 2001). Walau bagaimanapun didapati kebanyakan kanak-kanak pekak menunjukkan kemahiran akademik yang lebih rendah (Gargiulo 2003; Easterbooks & Baker 2002; Moore 2001). Menurut Suarez (2000) objektif pelaksanaan program integrasi dalam aspek kognitif dan kemahiran sosial adalah untuk: (1) meningkatkan kemahiran berfikir yang melibatkan penyelesaian masalah sosial dalam kalangan murid-

murid bermasalah pendengaran, (2) mengajar murid-murid bermasalah pendengaran bagaimana hendak menetapkan penyelesaian masalah tersebut, (3) memperbaiki sosial, emosi dan personaliti murid-murid di dalam kelas.

3. Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial murid bermasalah pendengaran menurut Rieffe (2006) adalah kurang daripada kemahiran murid tipikal dalam interaksi bersama rakan. Hal ini ditunjukkan bahawa murid-murid bermasalah pendengaran merasakan lebih diabaikan dan kurang diterima oleh rakan-rakan lain (Nunes et al. 2001) serta mereka akan mengasingkan diri dan kurang yakin dengan diri. Persahabatan dalam kalangan murid-murid bermasalah pendengaran juga berjalan secara perlahan berbanding murid-murid tipikal, mereka lebih sukar mempunyai rakan dan kurang berkawan di dalam kelas (Noll 2007; Nicholas & Geers 2006; Kluwin, Stinson, & Colarossi 2002). Keadaan akan bertambah teruk apabila murid-murid berada dalam komuniti yang mana interaksi murid bermasalah dengan komuniti tipikal.

Rieffe & Terwogt (2000) mendapati bahawa tidak ramai orang memahami tentang perhubungan di antara keinginan dan emosi murid bermasalah pendengaran. Oleh itu, Sierra et.al (2005) berpendapat untuk mengetahui keadaan murid-murid ini bukan hanya sekadar meninjau tingkah laku murid-murid tetapi perlu melihat kepada maklumat yang diberikan oleh ibu bapa, penjaga dan orang lain. Justeru, mereka akan mengetahui keinginan murid-murid yang berbeza melalui kebergantungan dengan penerimaan mereka melalui pandangan mata. Rieffe dan Terwogt juga mendapati bahawa murid bermasalah pendengaran di antara umur 7-8 tahun masih mempunyai masalah mengenal pasti dan menjelaskan keadaan emosi mereka.

METODOLOGI

Kajian ini adalah sebuah kajian kuantitatif. Kajian ini cuba untuk menjelaskan tentang kemahirankemahiranmurid-muridpendidikan khas bermasalah pendengaran dari aspek akademik dan sosial dalam program integrasi pendidikan khas. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk memberi gambaran terhadap tahap kemahiran akademik dan sosial mereka.

DAPATAN KAJIAN

1. Pelaksanaan Program Integrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran

Jadual 4.1 dibawah menunjukkan kekerapan, peratusan, min, serta sisihan piawai persepsi guru terhadap program integrasi. Sebanyak 5 item soal selidik telah dikemukakan pada bahagian ini dan semuanya berada pada tahap tinggi. dapatan kajian menunjukkan bahawa item yang mendapat nilai tertinggi ialah item B2 “*Saya merasakan keadaan komunikasi murid-murid bermasalah pendengaran lebih baik setelah melalui program integrasi*”(M= 3.89;s.p.= 0.845), diikuti dengan B1 “*Saya merasakan bahawa program integrasi ini memberi kemahiran yang baik kepada murid-*

murid bermasalah pendengaran” (M= 3.86; s.p. =0.845), B 3 “Saya merasakan keadaan pemikiran murid-murid bermasalah pendengaran dalam menyelesaikan masalah adalah lebih baik setelah melalui program integrasi” (M= 3.83; s.p. = 0.845) manakala item B4 “*Saya merasakan kemampuan murid-murid bermasalah pendengaran dalam menyelesaikan masalah adalah lebih baik setelah melalui program integrasi*” dan B5 “*Saya melihat penglibatan murid-murid bermasalah pendengaran terhadap aktiviti di kelas adalah lebih baik setelah melalui program integrasi*” memperoleh min yang sama (M= 3.80; s.p.= 0.868).

Jadual 4.1 Pelaksanaan Program Integrasi Pendidikan Khas

BI L	Persepsi Murid-murid Terhadap Amalan Pengajaran GPI	Kekerapan dan Peratusan (%)					Min	Sp.	Tahap
		STS	TS	KS	S	SS			
B1	Saya merasakan bahawa program integrasi ini memberi kemahiran yang baik kepada murid-murid bermasalah pendengaran	4 (8.2)	3 (6.1)	8 (16.3)	28 (57.1)	6 (12.2)	3.86	.845	Tinggi
B2	Saya merasakan keadaan komunikasi murid-murid bermasalah pendengaran lebih baik setelah melalui program integrasi	2 (4.1)	6 (12.2)	11 (22.4)	24 (49.0)	6 (12.2)	3.89	.900	Tinggi
B3	Saya merasakan keadaan pemikiran murid-murid bermasalah pendengaran dalam menyelesaikan masalah adalah lebih baik setelah melalui program integrasi	3 (6.1)	4 (8.2)	15 (30.5)	24 (49.0)	3 (6.1)	3.83	.857	Tinggi
B4	Saya merasakan kemampuan murid-murid bermasalah pendengaran dalam menyelesaikan masalah adalah lebih baik setelah melalui program integrasi	3 (6.1)	4 (8.2)	12 (24.5)	27 (55.1)	3 (6.1)	3.80	.833	Tinggi
B5	Saya melihat penglibatan murid-murid bermasalah pendengaran terhadap aktiviti di kelas adalah lebih baik setelah melalui program integrasi	3 (6.1)	2 (4.1)	12 (24.5)	26 (53.1)	6 (12.2)	3.80	.868	Tinggi
JUMLAH							3.84		Tinggi

2. Kemahiran akademik Murid-murid dalam Program Integrasi Pendidikan Khas Pendengaran (Ciri Guru dan Keadaan Pembelajaran Guru, Persekitaran Keluarga, Ciri-Ciri Murid-murid, dan Pengaruh Rakan Sebaya)

Jadual 4.2 menunjukkan perbandingan min kemahirankemahiran pendidikan khas program integrasi melalui aspek ciri guru dan keadaan pembelajaran dan pengajaran, persekitaran keluarga, ciri-ciri murid-murid dan pengaruh rakan sebaya. Secara keseluruhan min kemahirankemahiranmurid-murid adalah pada tahap sederhana $M = 3.63$. Dapatan menunjukkan nilai min yang tertinggi ialah pada bahagian ciri guru dan keadaan pembelajaran dan pengajaran guru iaitu 4.14 ($Sp. = 0.556$). Manakala bahagian lain memperoleh min sederhana iaitu bahagian pengaruh rakan sebaya 3.49 ($Sp. = 0.565$), bahagian persekitaran keluarga 3.47 ($Sp. = 0.537$), dan bahagian ciri-ciri murid-murid 3.41 ($Sp. = 0.634$).

Jadual 4.2Kemahiran Pencapaian Murid-murid Pendidikan Khas Program Integrasi

Konstruk	Skor Min	Sp.	Tahap	Peratus (%)
Ciri guru dan keadaan pembelajaran guru	4.14	.556	Tinggi	82.8
Persekitaran keluarga	3.47	.537	Sederhana	69.4
Ciri-ciri murid-murid	3.41	.634	Sederhana	68.2
Pengaruh rakan sebaya	3.49	.565	Sederhana	68.9
JUMLAH	3.63		Sederhana	

3. Kemahiran Sosial Murid-murid dalam Program Integrasi Pendidikan Khas Pendengaran (Kebebasan, Inisiatif, Permainan dan Berkerjasama)

Jadual 4.3 menunjukkan perbandingan min kemahiran sosial pendidikan khas program integrasi melalui aspek kebebasan, inisiatif, penerimaan dan bekerjasama. Secara keseluruhan min kemahiran sosial murid-murid adalah pada tahap tinggi ($M = 3.75$). Dapatan yang tertinggi adalah pada bahagian penerimaan 3.90 ($Sp. = 3.90$), diikuti oleh bekerjasama 3.80 ($Sp. = 0.6633$), inisiatif 3.72 ($Sp. = 0.620$).

Jadual 4.3Kemahiran Sosial Murid-murid Pendidikan Khas Program Integrasi

Konstruk	Skor Min	Sp.	Tahap	Peratus (%)
Kebebasan	3.51	.546	Tinggi	70.2
Inisiatif	3.72	.620	Tinggi	74.4
Penerimaan	3.90	.667	Tinggi	78
Bekerjasama	3.85	.633	Tinggi	77
JUMLAH	3.75		Tinggi	

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian ini, kemahiran akademik dan sosial dalam kalangan murid-murid bermasalah pendengaran adalah semakin berkembang setelah melalui program integrasi. Melalui analisi data yang dijalankan kepada persepsi guru terhadap pelaksanaan program integrasi pendidikan khas bermasalah pendengaran secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dapatan menunjukkan pemboleh ubah guru berpendapatan bahawa dalam program ini banyak membantu murid-murid dalam komunikasi ini ditunjukkan dengan tertinggi iaitu 3.83 (Sp. =.900), faedah seterusnya melalui program ini adalah dapat meningkatkan kemahiran yang lebih baik kepada murid-murid, disamping dapat meningkatkan daya pemikiran murid-murid bermasalah murid-murid setelah bergaul dengan murid-murid normal. Dapatan juga menunjukkan murid-murid semakin yang terlibat dalam program dapat menyelesaikan masalah sendiri dengan baik dan boleh terlibat sama di dalam aktiviti kelas.

1. Kemahiran Akademik

Dari aspek kemahiran pencapaian secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru berpendapatan program integrasi membantu dalam kemahirankemahiran iaitu 65.3 peratus. Manakala terdapat 34.7 peratus guru yang berpendapat program integrasi ini tidak membantu dalam kemahirankemahiranmurid-murid. Ini menunjukkan pelaksanaan program ini memberi kesan kepada kemahirankemahiranmurid-murid pendidikan khas bermasalah pendengaran. Dapatan ini menyokong dapatan bahawa sejak tahun 1954 kemahiranmurid-murid bermasalah pendengaran di Malaysia menunjukkan bentuk turun naik dan masih berada pada tahap yang lama (Jamilah 2005). Jamilah (2012) juga mendapati kemahiran yang rendah dalam kalangan murid-murid bermasalah pendengaran adalah dipengaruhi oleh penguasaan bahasa Melayu.

Dapatan ini bertentangan dengan kajian lain yang menunjukkan kemahirankemahiran terhadap program integrasi akan menyebabkan murid-murid tidak

gembira berada dalam sesuatu kumpulan dengan murid-murid normal (Noll 2007), ini juga disokong oleh Nunes et. al (2001) dan Suarez (2000) iaitu mereka mengatakan penglibatan murid-murid dalam program integrasi akan menyebabkan murid-murid berasa pergaulan sosialnya terhad, berasa keseorangan dan berasa kurang yakin berbanding mereka belajar di sekolah pendidikan khas

2. Kemahiran Sosial

Sebelum murid-murid terlibat dalam program integrasi kemahiran sosial murid-murid adalah rendah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kemahiran yang baik kerana terdapat 71.4 peratus guru berpendapatan terdapat perubahan setelah melalui program integrasi. Manakala guru yang menyatakan tidak terdapat kemahiran terhadap sosial hanya 28.6 peratus. Ini menunjukkan kebanyakan murid-murid memperoleh kemahiran sosial melalui program integrasi yang dilaksanakan di sekolah.

Dapatan kajian ini menunjukkan kemahiran dalam sosial murid-murid, kajian ini juga selari dengan kajian Bat-Chava, Martin dan Kosciw (2005) kemahiran sosial boleh berlaku dengan penggunaan *Cochelear Implantation* penggunaan ini akan meningkatkan kemahiran sosial murid-murid pada setiap masa dan diikuti dengan penambahbaikan dalam kemahiran berkomunikasi. Ini juga di sokong oleh Noll (2007) yang menyatakan komunikasi yang baik akan membawa kepada perhubungan sosial yang baik. Oleh itu Noll mencadangkan apa sahaja kekurangan dihadapi oleh murid-murid, murid-murid perlu meningkatkan kemahiran sosial bagi memberi kejayaan kepada program integrasi yang bercampur di antara murid-murid bermasalah pendengaran dengan murid-murid normal.

Namun menurut Krasny, Williams, Provence dan Ozonoff (2003) sekiranya berlaku kemampuan sosial yang terhad ini akan mempengaruhi keupayaan kanak-kanak untuk mencapai tahap kemahiran yang normal dan melakukan hubungan dengan rakan dan hubungan kekeluargaan. Ini akan mempengaruhi interaksi keluarga, rakan sebaya, dan orang dewasa (Rao, Beidel d& Murray, 2008)

RUMUSAN

Kesimpulanya, berdasarkan analisis deskriptif didapati persepsi guru terhadap kemahiran akademik dan sosial murid-murid bermasalah pendengaran dalam program integrasi mempunyai kemahiran yang baik terhadap percampuran dengan murid-murid tipikal dan berlaku pergaulan yang baik serta persaingan yang sihat dalam kalangan murid-murid normal dan murid-murid bermasalah pendengaran.

RUJUKAN

- Bat-Chava, Y., Martin, D & Kosciw, J.G. 2005. Longitudinal improvements in communication and socialization of deaf children with cochlear implants and hearing aids: Evidence from parental report. *Journal of child psychology and Psychiatry*. 46(6): 1287-1296.

- Easterbooks, S & Baker, S. I. 2002. Language learning in children who are deaf and hard of hearing: multiple pathways. Boston: Allyn& Bacon.
- Gargiulo, R.M. 2003. Special education in contemporary society: An introduction to Exceptionality. Belmont: Wadsworth/Thomson Learning.
- Jamila K. A. Mohamed. 2006. Pendidikan Khas Untuk Kanak-Kanak Istimewa. PTS Professional.
- Jamila, K. A. Mohamed, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Rosadah Majid. 2012. Pelaksanaan Pembelajaran Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Melayu bagi murid Prasekolah Bermasalah Pendengaran. *Jurnal pendidikan bahasa Melayu*. 2(1): 111-127.
- Kluwin, T. N., Stinson, M. S. & Clorossi, G. M. 2002. Social Processes and Outcomes of in- School Contact between Deaf and Hearing Peers. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 7(3): 200-212.
- Moores, D.F. 2001. Educating The Deaf; Psychology, Principles, And Practices. 5th Edition. Boston: Houghton-Mifflin.
- Nasri, M., Hamzah, R. & Udin, A. 2010. Falsafah Pendidikan Kebangsaan Memperkasakan Peranan Pendidikan Teknik Vokasional Dan Pendidikan Khas. edupress 2010 .
- Nicholas, J.G. & Geers, A.E. 2006. Effects of early auditory experience on the spoken language of deaf children at 3 years of age. *Ear & Hearing*. 27(3): 286-298.
- Noll, D.L 2007. Activities for social skill development in deaf children preparing to enter the mainstream. Independent studies and Capstones.
- Nunes, T., Pretzlik, U. & Olsson, J. 2001. Deaf Children's Social Relationships in Mainstream Schools. *Deafness & Education International* 3(3): 123-136.
- Rieffe, C. 2006. Anger communication in deaf children. *Psychology Press: Cognition and Emotion* . 20(8): 1261-1273.
- Rieffe, C & Terwogt, M.M. 2000. Deaf children's understanding of emotions: Desires take precedence. *Journal Child Psychol Psychiat*. 41(5): 601-608.
- Suarez, M. 2000. Promoting Social Competence in Deaf Students: The Effect of an Intervention Program. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 5(4): 323-336.
- Sierra, Escobedo & Satterly. 2005. A Social Development Assessment Scale For Mexican Children. *Revista Electronica de Investigacion Education*. 7(1): 1-24.

_____0000_____